

# Nurhani muncul juara Cabaran Usahawan Dagang



**PARA** pemenang Cabaran Usahawan Dagangan (Tradec) berkongsi kegembiraan masing-masing dalam majlis penyampaian hadiah di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

KUALA LUMPUR 2 Sept. - Nurhani Ithanin dari Bandar Tenggara, Johor muncul juara dalam Cabaran Usahawan Dagangan (Tradec) anjuran Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC), Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Pertandingan yang bermula sejak 22 Jun lalu itu antara lain bertujuan melahirkan individu yang berpotensi dalam bidang perdagangan.

Usahawan berusia 24 tahun itu mengalahkan 15 peserta lain sekali gus membawa pulang wang tunai RM1,500, piala dan pakej pelancongan ke Guangzhou, China.

Menurutnya, kemenangan itu sekali gus menyuntik semangatnya untuk terus menceburi bidang perniagaan.

“Keluarga dan rakan-rakan sentiasa memberi galakan kepada saya untuk menjadi seorang ahli perniagaan yang berjaya,” katanya.

Beliau ditemui selepas majlis penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang program Cabaran Usahawan Dagang (Tradec) di sini baru-baru ini.

Majlis penyampaian disempurnakan oleh Prof. Dr Mohammad Shatar Sabran, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UPM.

Tambah Nurhani, selama dua bulan menjalani latihan di bawah UCTC, beliau berjaya membawa hasil perniagaan lebih RM24,000 melalui produk kambing, telur, lembu dan fokusnya kelak produk Burung Puyuh yang mempunyai potensi perniagaan akan datang.

Tempat kedua pula dimenangi oleh Siti Hawaliah Ddarmansyah, 23, dari Sungai Petani, Kedah.

Manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh Nurul Fatrah Mohd Ramli, 23, dari Kota Bahru, Kelantan.